

# KERATAN AKHBAR

## 36 peratus kembali ke Tabika

Kira-kira 140,000 murid belum hadir ke sekolah kerana ibu bapa bimbang wabak Covid-19

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN

Dianggarkan hanya 36 peratus daripada jumlah keseluruhan 220,000 murid Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) kembali memulakan sesi persekolahan kelmarin.

Ketua Pengarah Kemas, Datuk Mohd Yasid Bidin berkata, hanya kira-kira 80,000 murid hadir memulakan sesi persekolahan tersebut.

Menurutnya, masih terdapat ibu bapa yang ragu-ragu dan bimbang untuk menghantar anak mereka ke sekolah susulan wabak koronavirus (Covid-19).

"Jika ibu bapa masih ragu-ragu untuk hantar anak ke sekolah, kita tidak paksa tetapi jangan bimbang kerana kita amalkan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



Mohd Yasid (dua dari kiri) dan Pengarah Kemas Negeri Sembilan, Muhamad Abu Bakar (kiri) beramah mesra dengan seorang murid Tabika Pintar Stream Taman Tuanku Ja'afar di Seremban semalam.

dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"Kita bukan sahaja kawal kemasukan orang luar, malah ibu bapa yang menghantar anak hanya dibenarkan berada setakat pintu Tabika dan mereka juga perlulah dalam keadaan sihat," katanya pada sidang akhbar selepas melawat Tabika Kemas Pintar Pendi-

dikan Sains, Teknologi, Agama, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (Stream) Taman Tuanku Jaafar di sini semalam.

Dalam perkembangan lain, Mohd Yasid berkata, disebabkan Covid-19, sasaran kerajaan untuk menambah lebih banyak Tabika Kemas Pintar Stream pada tahun ini juga terpaksa ditangguhkan.